

Parti Cina serah formula pengajaran kepada PM

UM 31 OCT 2002

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Empat parti Cina dalam Barisan Nasional (BN) menyerahkan formula pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pagi ini.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, formula itu yang diputuskan pada mesyuarat parti-parti terbabit semalam, dianggap cadangan terbaik bagi mencapai aspirasi Perdana Menteri untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris terutama dalam Matematik dan Sains.

Mengikut formula itu, lapan waktu seminggu diperuntukkan bagi pendidikan bahasa Inggeris di SJKC bermula tahun satu iaitu dua waktu bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris (BI) dan masing-masing tiga waktu bagi Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Keng Yaik percaya Dewan Tertinggi BN yang akan bermesyuarat esok akan menerima cadangan itu dalam semangat pemuafakatan.

“Saya fikir formula itu boleh diterima oleh semua pihak malah percaya dapat meyakinkan ibu bapa pelajar Cina untuk menerimanya.

“Buat pertama kalinya lapan waktu seminggu akan diajar dalam bahasa Inggeris. Ini bermakna SJKC kini dikendalikan dalam tiga bahasa iaitu Mandarin, bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris,” katanya di sini, hari ini.

Semalam, empat parti Cina BN iaitu MCA, Gerakan, Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) mengadakan pertemuan kali ketiga bagi mencari penyelesaian isu pengajaran bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains di SJKC.

Keng Yaik yang baru pulang dari lawatan kerja ke Jordan dan Maghribi semalam turut menghadiri pertemuan itu. Dalam dua pertemuan sebelumnya, beliau diwakili Timbalan Presiden Gerakan, Datuk Kerk Choo Ting.

Katanya, formula itu turut mencadangkan jumlah waktu seminggu ditingkatkan daripada 45 waktu sekarang kepada 50 waktu.

Ini berbeza dengan jumlah 46 waktu seminggu yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan.

Walaupun terdapat tambahan tiga mata pelajaran baru iaitu Bahasa Inggeris, Matematik dalam bahasa Inggeris dan Sains dalam bahasa Inggeris di SJKC, katanya, ia tidak memerlukan kelas tambahan.

“Cuma mata pelajaran yang kurang penting seperti pilihan guru besar, pendidikan jasmani dan kesihatan dikurangkan waktu untuk dapatkan lapan waktu seminggu bagi pengajaran bahasa Inggeris,” katanya.

Mengenai bantahan persatuan Cina seperti Dong Jiao Zhong terhadap cadangan itu, Keng Yaik berkata, apa jua keputusan tidak akan memuaskan hati kumpulan tersebut yang disifatkannya sebagai chauvinis.

“Justeru kita tidak ambil peduli bantahan mereka itu. Negara China pun menggalakkan bahasa Inggeris di kalangan rakyatnya dan kenapa pula kumpulan ini mengatakan ia akan menukar identiti orang Cina,” ujarnya.

Beliau menegaskan pihaknya sedia menemui ibu bapa murid Cina bagi menjelaskan formula yang dicadangkan itu.

Keng Yaik turut mencadangkan kepada sekolah kebangsaan (SK) menggunakan kaedah berkenaan sekiranya mahu menjadi sekolah pilihan kepada semua rakyat Malaysia.

“Saya cadang lebih baik perkenalkan bahasa ibunda sebagai satu mata pelajaran di sekolah kebangsaan.

“Jika ada pilihan, saya percaya lebih ramai murid Cina akan belajar di sekolah kebangsaan,” katanya.